

10/16/2017

BENDAHARI RANGKUL KEJUARAAN SULUNG PERTANDINGAN... - Noorfauziati Binti Mat Yatim

BENDAHARI RANGKUL KEJUARAAN SULUNG PERTANDINGAN BOLING PIALA PENDAFTAR

Jabatan Pendaftar

Tue 10/10/2017 4:00 PM

To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

10 OKTOBER 2017

19 MUHARRAM 1439H



Pendaftar Online: Lima belas pasukan yang terdiri daripada 90 orang peserta telah menyertai Kejohanan Boling Piala Pendaftar yang berlangsung di Aman Bowl, Aman Central Alor Setar pada 07 Oktober 2017.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Kelab Kebajikan Jabatan Pendaftar (KEJAP) yang melibatkan kakitangan Universiti Utara Malaysia. Piala Pusingan bagi pertandingan boling ini telah disumbangkan oleh Yang Berbahagia Dato' Pendaftar Universiti Utara Malaysia, Dato' Mohamad Akhir bin Hj Yusuf. Kejohanan tersebut terbahagi kepada tiga kategori iaitu kategori berpasukan, individu lelaki dan individu wanita.

Jabatan Bendahari berjaya merangkul gelaran juara Pertandingan Boling Piala Pendaftar 2017 dengan melakukan 2737 jatuhan pin sekaligus membawa pulang Piala Pendaftar, wang tunai RM600 beserta medal setiap seorang dan hamper. Tempat kedua dimenangi oleh Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) dengan jatuhan pin sebanyak 2706 sekaligus membawa pulang wang tunai berjumlah RM400 beserta medal setiap seorang dan hamper diikuti tempat ketiga dimenangi oleh Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) yang melakukan 2356 jatuhan pin dan membawa pulang wang tunai berjumlah RM200 beserta medal setiap seorang dan hamper.

Kategori lelaki diungguli oleh Ramlan Saari dari Bendahari dengan jatuhan pin sebanyak 603 manakala kategori wanita disandang oleh Shamsiah Mohd Shariff dari Hal Ehwal Pelajar dengan jatuhan pin sebanyak 524. Hadiah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar, Encik Baharudin Yaacob.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.